

ABC-19 inisiatif perangi COVID-19

Agensi, pemimpin komuniti, sukarelawan digerakkan atasi pandemik

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan menggerakkan langkah pemerkasaan komuniti dalam menghadapi ancaman penularan COVID-19, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Perdana Menteri menjelaskan, antara inisiatif yang sudah dan sedang digerakkan termasuk mengaktifkan jawatankuasa di peringkat komuniti.

Katanya, kerajaan turut memperkenalkan Program Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) melalui pendekatan *Whole of Society* (seluruh masyarakat) yang digerakkan oleh agensi kerajaan, kepimpinan komuniti dan sukarelawan di seluruh negara.

"Sehingga 23 Mac lalu, seramai 29,407 anggota agensi dan kepimpinan komuniti yang menyantuni lebih 1.325 juta rakyat melalui pelbagai program di lebih 22,166 kawasan tumpuan.

"Selanjutnya, keanggotaan ABC-19 ini bertambah dengan pembabitan sukarelawan pertubuhan bukan kerajaan (NGO)," katanya ketika berucap pada Program Pemerkasaan Komuniti secara maya, semalam.

Muhyiddin berkata, pemerkasaan komuniti secara komprehensif amat penting dalam usaha me-

merangi COVID-19 kerana kepimpinan seperti penghulu, ketua kampung, ketua agama, ketua rumah panjang, Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK), Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP), Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Orang Asli (JPKKOA) dan lain-lain pemimpin masyarakat adalah tulang belakang sesebuah komuniti.

Jelasnya, kepimpinan yang menerajui ABC-19 akan turut digerakkan bagi membuat hebahan pendidikan kesihatan mengenai langkah pencegahan COVID-19 serta membantu pendaftaran Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan kepada ahli yang tiada akses kepada aplikasi MySejahtera, laman sesawang atau pusat panggilan.

"Komuniti perlu memainkan peranan dalam menyampaikan hebahan serta pesanan melalui pelbagai saluran. Contohnya, seorang doktor daripada NGO boleh menyampaikan mesej yang padat dan praktikal kepada komunitinya berhubung nasihat kesihatan berkaitan COVID-19.

"Selain itu, mereka yang berkepakaran dalam bidang tertentu seperti ahli psikologi boleh memberikan khidmat kepada ahli komuniti yang terkesan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)," katanya.

Perdana Menteri turut menekankan pentingnya supaya komuniti melaksanakan aktiviti pemantauan di kawasan masing-masing seperti mengawasi sempadan daripada dimasuki orang luar tanpa kawalan.

"Pemimpin komuniti juga perlu memastikan pematuhan ahli komuniti kepada prosedur operasi standard (SOP) norma baharu dengan memberi nasihat, teguran, panduan dan peringatan supaya komuniti sentiasa berwaspada dan secara tidak langsung dapat membudayakan norma baharu ini dalam kehidupan seharian," katanya.

Perdana Menteri amat mengharapkan semua pihak dapat bersama-sama dengan kerajaan da-



Muhyiddin menyampaikan ucapan sempena Program Pemerkasaan Komuniti yang disiarkan secara maya, semalam. (Foto BERNAMA)

lam memerangi COVID-19.

"Segala medium dan platform komuniti masing-masing harus digembleng agar komuniti sendiri dapat mengambil tanggungjawab menjaga komuniti masing-masing tanpa memerlukan penguatkuasaan yang ketat oleh kerajaan," katanya.

Beliau berkata komitmen daripada semua pihak amat kritikal dalam usaha memutuskan rantaian COVID-19 melalui Program Pemerkasaan Komuniti.

"Bagi mengoperasikan pendekatan ini, kerajaan mengarahkan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), melalui Sekretariat Pengurusan Bencana di peringkat negeri dan daerah menyelaraskan pelaksanaan ABC-19 di lapangan di seluruh negara," katanya.

Perdana Menteri berkata sehingga vaksin dapat mencapai sasaran ditetapkan, negara masih mengharungi suatu tempoh yang sukar dalam memerangi COVID-19.

"Walaupun kes positif baharu kini semakin menurun, bilangan kes masih tinggi.

"Usaha ini tidak akan dapat mencapai matlamat jika tidak didukung setiap lapisan masyarakat. Justeru, Program Pemerka-

saan Komuniti adalah senjata yang kita ada dalam usaha untuk bersama membendung penularan virus COVID-19," katanya.

Mengulas lanjut, Muhyiddin berkata, Program Pemerkasaan Komuniti adalah senjata membendung penularan COVID-19 dan selaras strategi dalam Dasar Perpaduan Negara bagi memperkasakan institusi keluarga dan komuniti yang dilancarkan pada 15 Februari lalu.

Beliau berkata, kerajaan menyasarkan sekurang-kurang 80 peratus penduduk dewasa negara ini menerima vaksin menjelang Februari 2022 bagi mengurangkan penularan COVID-19.

Katanya, setakat 23 Mac lalu, seramai 6.4 juta penduduk Malaysia telah mendaftar untuk pengambilan vaksin melalui aplikasi MySejahtera.

"Dari segi penerima vaksin pula, setakat ini, jumlah pemberian dos pertama dan kedua ialah sebanyak 481,989.

"Selangor mencatat jumlah penerima dos vaksin pertama tertinggi, iaitu sebanyak 58,552, manakala Sarawak mencatat penerima kedua-dua dos vaksin tertinggi sebanyak 10,166," katanya.